

**D.R. 36/2017**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dalam takrif “penghuni”, dengan memasukkan selepas perkataan “seseorang” perkataan “di bawah umur enam puluh tahun”.

**Pindaan seksyen 3****3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (e), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan;
- (b) dalam perenggan (f), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(g) mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 [Akta ].”.

**Seksyen baharu 11b****4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11A seksyen yang berikut:****“Orang yang berumur enam puluh tahun dan ke atas boleh diterima masuk**

**11b.** Pengendali pusat jagaan berdaftar boleh menerima masuk mana-mana orang yang berumur enam puluh tahun dan ke atas sebagai orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan berdaftar dan penerimaan masuk itu hendaklah berdasarkan kriteria sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.”.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993 (“Akta 506”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 506 untuk meminda takrif “penghuni” untuk mengecualikan jagaan orang yang berumur enam puluh tahun dan ke atas yang diletakkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 [*Akta* ].
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 506 untuk memperuntukkan bahawa Akta 506 tidak terpakai bagi mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 11B ke dalam Akta 506 untuk membenarkan pengendali pusat jagaan berdaftar menerima masuk orang yang berumur enam puluh tahun dan ke atas sebagai orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan berdaftar dan penerimaan masuk itu hendaklah berdasarkan kriteria sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri. Seksyen baharu 11B bersamaan dengan seksyen 43 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 bagi membolehkan kelonggaran penjagaan berdasarkan kriteria sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri misalnya untuk membolehkan pasangan suami isteri menerima penjagaan di kemudahan yang sama yang jika tidak kerana perkiraan di bawah seksyen baharu 11B tidak dibenarkan kerana had umur yang ditentukan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3021]